

Jenis Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 30/11/2019
Edisi / Muka Surat : Johor / 33
Tajuk : Jalinan Perdagangan



ABDUL Fattah (duduk, tengah) bersama peserta selepas Seminar ICA-AP Angkasa C2C di Hotel Amari, semalam.

JALINAN PERDAGANGAN

Kolaborasi pemimpin koperasi di negara Asia Pasifik perkasakan ekonomi serantau

Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoriadass@hmetro.com.my

Johor Bahru

Pemimpin koperasi dari negara Asia Pasifik perlu memberi tumpuan kepada usaha mewujudkan jalinan perdagangan antara negara supaya ia menjadi lebih lancar dan mudah.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, cadangan itu penting mengambil kira koperasi di negara ASEAN termasuk

Angkasa perlu merebut peluang pasaran di Asia Pasifik yang mempunyai populasi berjumlah 4.3 bilion.

Abdul Fattah merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) berkata, ketika ini ada 105 koperasi di 33 negara di Asia Pasifik.

Menurutnya, menerusi jalinan kerjasama strategik itu, setiap urusan perdagangan lebih mudah termasuk daripada segi kelonggaran peraturan serta memudahkan proses eksport.

"Pada hari ini, Angkasa mewujudkan platform bagi pemimpin koperasi negara Asia Pasifik bertukar-tukar pandangan demi mengu-

kuhkan kerjasama strategik serta memperkasakan perniagaan ekonomi serantau yang diselaras secara bersama.

"Jika mahu mengeksport barangan, perkara perlu diambil kira termasuk proses, syarat serta spesifikasi yang ditetapkan kastam.

"Contoh, jika kita hendak hantar produk ke Korea, proses terlalu banyak termasuk proses kastam dan sebagainya," katanya.

Menurut Abdul Fattah, pengurusan koperasi dicadang untuk berbincang dengan kerajaan di negara masing-masing bagi mewujudkan keistimewaan atau kelonggaran kemasu-

kan produk koperasi terutama dalam kalangan negara Asia Pasifik.

"Ada beberapa rantau di dunia dan satu daripadanya Asia Pasifik termasuk China dan India yang memiliki penduduk yang ramai, sudah tentu banyak produk diperlukan," katanya pada sidang media sempena Seminar International Co-operative Alliance-Asia Pacific (ICA-AP) Angkasa Cooperative to Cooperative (C2C) di Hotel Amari, semalam.

Hadir sama Ahli Lembaga International Co-operative Alliance Asia-Pacific (ICA) merangkap Timbalan Presiden Angkasa Datuk Kamarudin Ismail dan Pen-

garah Serantau ICA-AP Balu Iyer.

Seminar itu dianjurkan sempena Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2019 yang membuka tirainya hari ini di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru.

Seminar bertema Pertumbuhan Ekonomi Inklusif dan Mampan memfokuskan tiga sub tema termasuk sektor pertanian iaitu pertanian dan keselamatan makanan, sektor pelancongan iaitu koperasi mempromosikan pelancongan lestari dan sektor kepenggunaan iaitu produktiviti ekonomi koperasi pengguna.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA